

Lindungi Si Kecil

Hadif dan keluarganya mengunjungi pusat beli-belah. Mereka ke sana untuk membeli kerusi keselamatan bayi.



Bapa Hadif membeli kerusi keselamatan bayi. Ibu Hadif tidak perlu memegang _____ meriba anak kecil mereka di dalam kereta.

Encik Husin meletakkan kerusi keselamatan bayi di tempat duduk belakang _____ keluar bersiar-siar. Kerusi keselamatan itu mempunyai tali pinggang mengikut saiz _____ bayi berasa selesa.



Anak kecil Encik Husin tidak menangis _____ dalam perjalanan. Kerusi tersebut mempunyai penutup kepala _____ melindungi anaknya daripada pancaran cahaya matahari.



Munshi Cilik

Kata hubung ialah kata yang menghubungkan dua ayat atau lebih.

Contoh: atau, supaya, sewaktu, ketika, untuk, kerana

Encik Husin memandu kereta dengan tenang. Anak kecilnya duduk dalam keadaan selesa _____ terdapat pelapik kepala yang lembut pada kerusi tersebut.



Aktiviti

Menulis ayat menggunakan kata hubung.